

# PERKEMBANGAN EMOSI : EMOSI REMAJA DAN PEMBENTUKAN KONSEP KENDIRI (Part 18)

Azizi Hj Yahaya

## 4.7 Keperluan Khas Remaja

Dalam buku "Psychology of Adolescence", Karl C.Garrison banyak memberikan huraian tentang bagaimana remaja sesungguhnya harus difahami berdasarkan atas keperluan khas yang mereka rasakan. Seorang remaja pada umumnya mempunyai tujuh perkara yang diperlukan yang menjadi rangsangan pertumbuhan psikologi mereka dan bagi menyelesaikan masalah sosiologis yang harus dihadapi kelak :

- a) Keperluan kasih sayang.  
Keperluan semulajadi yang bertumpu pada keinginan untuk diperhatikan dan disayangi oleh orang-orang terdekat mereka, terutamanya ibu bapa yang sepatutnya mencurahkan kasih sayang agar remaja tak salah langkah dalam menentukan arah hidup mereka.
- b) Remaja mempunyai keperluan untuk dapat diterima dalam sebuah kelompok dan ikut serta dalam berbagai aktiviti di dalamnya.
- c) Keinginan dapat berdikari iaitu keperluan untuk mendapat kepercayaan agar boleh lebih berdikari merupakan hal yang cukup penting kerana harus memutuskan sesuatu atas banyaknya pilihan yang ada.
- d) Berprestasi - Remaja perlu meningkatkan prestasi kerana untuk mencapai sebuah tahap prestasi, usaha yang sungguh-sungguh diperlukan. Kerana itulah pula mereka akan memahami maksud kerja keras dan bagaimana akhirnya mendapat pengakuan dari orang lain.
- e) Mendapat pengakuan dari orang lain atau kumpulannya seperti memperoleh pujian dan penghargaan.
- f) Keinginan untuk dihargai.
- g) Memperoleh falsafah hidup. Keperluan falsafah hidup memberikan gambaran bahwa secara nyata remaja perlu mendapat pegangan atau panduan menuju sebuah matlamat atau falsafah hidupnya.

Kesemua keperluan di atas perlu didapati oleh remaja samada daripada ibu bapa, guru-guru dan ahli masyarakat mengikut kefungsiannya kepada remaja berkenaan atau dicapai oleh remaja sendiri setelah mendapat sokongan dan panduan dari orang-orang yang signifikan.

### **Rumusan**

Semua yang dinyatakan di atas menjadi sebahagian dari kehidupan masa remaja yang penuh ragam cerita. Hala tuju menuju kedewasaan akan diraih dari berbagai pengalaman yang mereka dapatkan dalam hidup seharian. Pembinaan konsep kendiri remaja jika berpadu dengan emosi remaja yang sihat akan menjana keperibadian remaja yang kukuh, positif dan cemerlang. Walaubagaimanapun mengalami konflik dan krisis dalam perkembangan remaja adalah sesuatu yang wajar dan remaja perlu dibimbing agar segalanya dapat dilalui dengan baik dan berupaya ditangani dengan bijaksana. Peranan ibu bapa, ahli keluarga dan orang-orang disekeliling individu remaja perlu dijalankan untuk mengelakkan remaja dari terlibat dengan aktiviti yang menyalahi agama, undang-undang, budaya dan norma masyarakat.

### **Bibliografi**

- Azizi et. al., (2004), *Psikologi Sosial*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Azizi et. al., (2005), *Pembangunan Kendiri*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Azizi et. Al.,(2005) *Psikologi Sosial Alam Remaja*. Bentong: PTS Publication & Distributors
- Fariza (2005) *Tekanan Emosi Remaja Islam* Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan.  
Bangi : Universiti Kebangsaan Malaysia
- Franzoi Stephen L (2006) , *Social Phychology*, 4<sup>th</sup> ed., Madison : Brown and Benchmark
- Ma'rof Redzuan (2001), *Psikologi Sosial*, Kuala Lumpur: Universiti Putera Malaysia Serdang
- Ma'arof dan Haslinda. (2004) *Psikologi*. Edisi Kedua. Kuala Lumpur: Mc Graw Hill
- Mohd. Makzan, (1997) *Psikologi Sosial*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors
- Mohd. Mansur dan Siti Nordinar (1988), *Psikologi Remaja*. Petaling jaya: Fajar Bakti.
- Mohd. Sharani, Zainal & Mohamad Ibrani. (2003) *Psikologi Pembangunan Manusia*. Kuala Lumpur: Mc Graw Hill.